

24 FEB 1998

Mahathir-Teknologi

NEGARA HARUS TINGKATKAN TEKNOLOGI DAN DAYA SAING: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Malaysia mesti berkebolehan dan berupaya menghasilkan teknologi sendiri bagi mengeluarkan barangan untuk kegunaan tempatan dan antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan ekonomi sekarang syarikat-syarikat tempatan hendaklah mencari jalan bijak untuk berdikari sambil mengurangkan kos.

"Pengimportan segala teknologi serta barangan untuk keperluan kita adalah jalan mudah yang harus kita kurangkan," kata beliau ketika merasmikan MASTERCentre, pusat untuk mempromosi dan mempertingkatkan penggunaan automasi dalam industri di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil di sini.

MASTERCentre yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Robotik dan Flexible Manufacturing System, ditubuhkan sebagai satu usaha melonjakkan pembangunan ekonomi negara dalam memasuki alaf baru.

Pusat itu menawarkan pelbagai kursus dalam automasi perkilangan.

Dr Mahathir berkata, rakyat hendaklah berani mencipta cara dan produk yang belum pernah dicuba atau dikeluarkan oleh sesiapa.

"Janganlah kita terlalu terkongkong dengan produk yang sedia ada yang dicipta oleh orang lain. Yakinlah kepada diri sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk menghasilkan barangan sendiri.

"Dalam hal ini pengguna mestilah menyokong dan membeli barangan Malaysia," katanya.

Rakyat juga hendaklah percaya sepenuhnya keupayaan Malaysia mencipta dan mengeluarkan barangan bertaraf dunia yang menyaingi apa yang dihasilkan luar negara.

Sehubungan itu beliau menggesa semua pihak supaya menggunakan sepenuhnya kemudahan robotik yang disediakan oleh Taman Teknologi Malaysia dalam kegiatan latihan pembuatan komponen dan barangan mereka serta bagi penyelidikan penciptaan dan pembangunan untuk meningkatkan mutu dan jumlah pengeluaran negara.

Dr Mahathir juga berkata syarikat-syarikat tempatan harus bertindak menguasai teknologi asing dengan cepat.

Mereka perlu berusaha bukan sahaja memasang barangan daripada komponen yang kebanyakannya diimport tetapi mereka hendaklah mengeluarkan komponen buatan sendiri.

Beliau berkata pengeluaran komponen memerlukan jumlah yang besar dan mutu yang bertaraf antarabangsa.

Tujuan dan matlamat pengeluaran komponen hendaklah tidak terhad kepada pembekal kilang-kilang tempatan sahaja tetapi untuk dieksport ke negara lain kerana jumlah dapat menolong mencapai ekonomi skala yang boleh mengurangkan kos, katanya.

Dr Mahathir berkata dalam bidang perkhidmatan, Malaysia boleh menggunakan kedudukannya dengan menawarkan khidmat runding kepada negara sedang membangun.

"Untuk mengambil peluang nilai mata wang kita yang kini lebih rendah, Malaysia boleh menyediakan perkhidmatan dalam bidang teknologi maklumat umpamanya dengan nilai yang agak kompetitif," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini adalah negara pengeluar ke 16 di dunia dengan hasil eksport sebanyak US\$78.2 bilion.

Bagaimanapun kedudukan Malaysia itu haruslah dipertingkatkan melalui pengeluaran yang lebih pesat oleh industri tempatan.

Perdana Menteri berkata semua usaha ini akan dapat dilaksanakan melalui penyediaan kemudahan serta pekerja mahir dan berilmu yang cekap lagi produktif.

Katanya Malaysia sedang membangunkan sektor pendidikan supaya pelajar-pelajar tempatan boleh mendapatkan pengajian tinggi di pusat-pusat pengajian tempatan.

Dr Mahathir berkata langkah Taman Teknologi Malaysia membantu industri tempatan adalah tepat dan pihak industri disarankan supaya bekerjasama dengannya untuk memperolehi hasil daripada kekuatan masing-masing.

Pertamanya, kerjasama ini boleh menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran yang pintar dengan terdapatnya kemudahan infrastruktur khas, pekerja mahir dan tumpuan teknologi tinggi.

Selepas itu, Malaysia boleh mengurangkan beban import melalui proses pengeluaran hulu seperti pengeluaran komponen acuan dan peralatan renik yang digunakan untuk membuat komponen. -- BERNAMA

ES RON